

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
TARIKH : 04.04.2016 (Isnin)
NO. SOALAN : 212

minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jadual kerja supaya ketujuh-belas bahagian Akta Malaysia yang harus dibuat pindaan berikutan Perjanjian Trans-Pacific Partnership yang telah dimeterai pada 4 Februari 2016. Apakah rancangan komunikasi yang akan disasarkan kepada orang ramai.

JAWAPAN

1. Pindaan ke atas undang-undang perlu dibuat sebelum Malaysia meratifikasi TPPA. Bermula dari tarikh Perjanjian TPPA ditandatangani, semua ahli TPPA mempunyai tempoh selama 24 bulan untuk melengkapkan proses domestiknya dan meratifikasikan perjanjian TPPA. Perjanjian TPPA hanya akan berkuat kuasa:

- (i) apabila 12 ahli TPPA telah meratifikasi dalam tempoh 24 bulan;
- (ii) sekiranya syarat di perenggan di atas tidak dapat dipenuhi, ratifikasi perlu dilakukan oleh sekurang-kurangnya 6 negara yang menyumbang 85% dari jumlah gabungan keluaran dalam negara kasar kedua belas (12) negara yang menandatangani perjanjian ini;

2. Bagi tujuan proses ratifikasi ini, Malaysia perlu meminda beberapa undang-undang dan peraturan sedia ada untuk memenuhi obligasi di bawah TPPA. Sebanyak 19 undang-undang perlu dipinda dan merangkumi bab-bab berikut:

- 1) Akta Kastam 1967;
- 2) Akta Zon Bebas 1990;
- 3) Akta Tanda Niaga 1976;
- 4) Akta Paten 1983;
- 5) Akta Hakcipta 1987;
- 6) Akta Indikasi Geografikal 2000;
- 7) Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan Baru 2004;
- 8) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;
- 9) Akta Kesatuan Sekerja 1958;
- 10) Akta Perhubungan Perusahaan 1967;
- 11) Akta Kerja 1955;
- 12) Akta Pasport 1966;
- 13) Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan

Pekerja 1990,

- 14) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981;
- 15) Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007;
- 16) Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966;
- 17) Ordinan Buruh Sabah (Cap. 67)
- 18) Ordinan Buruh Sarawak (Cap. 76);
- 19) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009;

3. Pindaan ke atas 19 undang-undang Malaysia adalah untuk memastikan undang-undang kita dikemaskini berdasarkan perkara yang telah dipersetujui dalam rundingan dan ini sama sekali tidak akan menjejaskan hak kerajaan bagi merangka undang-undang baru. Malah, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan dalam memastikan undang-undang sedia ada dikaji semula agar ia merangkumi perkembangan terkini baik di dalam mahupun luar negara. Kajian semula undang-undang berkenaan juga akan memberi ruang bagi pihak berkepentingan untuk menyampaikan cadangan bagi menambahbaik keberkesanan undang-undang tersebut.

4. Sebagai persediaan bagi pindaan undang-undang tersebut, Kementerian serta Agensi yang terlibat telahpun memulakan proses konsultasi dengan semua pihak yang mempunyai kepentingan bersama-sama dengan Pejabat Peguam Negara. Proses pindaan akan dilaksanakan bagi memastikan Malaysia boleh meratifikasikan perjanjian TPPA secepat mungkin.

5. Bagi memastikan pelaksanaan TPPA, satu Jawatankuasa Kebangsaan akan ditubuhkan dan akan dipengerusikan oleh YB. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
6. Objektif utama Jawatankuasa Kebangsaan adalah untuk memantau persiapan negara ke atas pelaksanaan TPPA, merangka strategi dan hala tuju negara ke atas pelaksanaan TPPA, menyelaraskan isu-isu merentasi Kementerian dan Agensi dalam pelaksanaan TPPA, dan memacu agensi pelaksana untuk menggerakkan program bina upaya.
7. Bagi memastikan konsultasi secara berterusan dengan sektor swasta serta pihak-pihak berkepentingan yang lain, satu Jawatankuasa Penasihat ditubuhkan. Jawatankuasa Penasihat akan dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan seorang tokoh dari wakil sektor swasta.
8. Antara objektif Jawatankuasa Penasihat ini ialah untuk mendapatkan maklum balas daripada sektor swasta dan pihak berkepentingan yang lain serta menilai impak pelaksanaan TPPA. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menimbangkan strategi dan langkah untuk memperoleh manfaat secara maksimum daripada TPPA.
9. Sebagai usaha kerajaan untuk memberi penjelasan kepada semua stakeholders di semua peringkat, termasuk di peringkat negeri, saya telah memberi penerangan mengenai pindaan undang-undang yang perlu di buat dan termasuk juga sesi penerangan dan konsultansi yang di

jalankan oleh pegawai-pegawai yang terlibat dengan TPPA. Setakat ini, selepas TPPA di tandatangani, tidak kurang daripada 50 sesi penerangan telah diberi. Pada masa yang sama Jabatan Penerangan juga terlibat sama dalam memastikan agar orang ramai mengetahui lebih lanjut mengenai perjanjian TPPA ini termasuk proses ratifikasi yang melibatkan pindaan kepada beberapa undang-undang Malaysia.

Sekian, terima kasih